



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

# PENGGUBALAN SATU SKIM PEMBAYARAN UPAH KEPADA STAF & MAHASISWA UNIVERSITI DAN INDIVIDU LUAR

EDITED 18 OGOS 2011, DEWAN SENAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# LATAR BELAKANG

---

- ❖ UTM sedang mengorak langkah untuk menjadi sebuah Universiti yang terulung dalam bidang kejuruteraan dan teknologi di Malaysia, selaras dengan wawasan Universiti untuk menjadi sebuah Universiti Apex. Untuk memperkuatkan hasrat ini, maka salah satu bidang kecemerlangan Universiti ialah bidang penyelidikan.

UTM telah mula mencebur入 bidang penyelidikan semenjak Rancangan Malaysia ke 5 dan peningkatan prestasi kecemerlangan UTM dapat dilihat melalui peningkatan jumlah geran dan projek yang diterima oleh UTM di dalam RMK 7 hingga ke RMK10.

- ❖ Universiti juga sentiasa mempergiatkan usaha-usaha dan inisiatif untuk mengukuhkan dan memperkasakan keupayaan penyelidikan strategik bagi meningkatkan lagi perolehan geran penyelidikan melalui pengurusan P&P yang sistematik dan cekap. Sehingga kini, Universiti telah berjaya memperolehi sejumlah RM 178,996,167.63 bagi 1667 projek penyelidikan dibawah RMK 9 dan sejumlah RM 59,907,994.34 bagi 794 projek penyelidikan di bawah RMK 10 dari kategori Sciencefund, Technofund, Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Kontrak, Institusi, Geran Universiti Penyelidikan dan Lain-lain. Untuk GUP, UTM telah menawarkan sebanyak 761 projek pada pertengahan tahun 2011 bernilai RM 56,804,640.00 juta.
- ❖ Tegasnya, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) adalah memainkan peranan utama dan bertanggungjawab dalam menyelaras pelbagai jenis aktiviti penyelidikan di UTM. Semua projek penyelidikan dilaksanakan oleh Penyelidik Universiti di Research Alliance masing-masing dan setiap projek diketuai oleh seorang staf akademik. Perlaksanaan projek-projek tersebut biasanya dibantu oleh Pegawai Penyelidik dan Pembantu Penyelidik.

- ❖ Universiti merasakan bahawa tugas membantu penyelidik bukan sahaja boleh dijalankan oleh Pegawai dan Pembantu Penyelidik sepenuh masa malah boleh juga dibantu oleh staf dan mahasiswa Universiti. Untuk tujuan itu, RMC bercadang untuk memperkenalkan satu skim khas kepada individu yang mempunyai kepakaran tertentu dengan kadar bayaran mengikut kiraan jam bekerja dan tidak akan menganggu prestasi kerja staf dan prestasi akademik mahasiswa tersebut.
- ❖ Atas kesedaran untuk memupuk budaya penyelidikan dan menyemarakkan serta memeriahkan lagi aktiviti penyelidikan maka pihak RMC adalah bertanggungjawab dan perlu menyediakan mekanisma atau elemen untuk memudah cara dan memperkasakan pengurusan penyelidikan serta merangsangkan lagi kegiatan penyelidikan Universiti.
- ❖ JKTS R&I yang bermesyuarat pada 15 Jun 2011 telah meluluskan permohonan penggubalan satu Skim Pembayaran Upah untuk Mahasiswa Universiti, staf UTM dan individu luar. Dengan terlaksananya skim ini akan menyediakan peraturan dan garis panduan untuk dipatuhi oleh Ketua Projek dalam pembayaran upah.

# **PENGGUBALAN SATU SKIM PEMBAYARAN UPAH KEPADA STAF, MAHASISWA UNIVERSITI DAN INDIVIDU LUAR**

---

# SYARAT-SYARAT UMUM

---

- Terdapat **TUJUH (7)** syarat umum yang wajib dipatuhi dalam pembayaran upah kepada penerima upah bagi membantu kerja penyelidikan Universiti, seperti berikut:

## 1. Kewarganegaraan

### i. Staf UTM

Staf UTM terdiri daripada warganegara Malaysia dan warganegara asing yang mempunyai permit kerja yang sah.

### ii. Mahasiswa UTM

Mahasiswa Ijazah Lanjutan dan bukan mahasiswa Ijazah Pertama yang terdiri daripada kalangan warganegara Malaysia sahaja.

### iii. Individu Luar

Individu luar Universiti yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan warganegara asing yang mempunyai permit kerja yang sah.

## **2. Kelayakan**

### **i. Staf UTM**

Staf Universiti dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas sahaja.

### **ii. Mahasiswa UTM**

Mahasiswa yang layak dibayar upah oleh Ketua Projek ialah Mahasiswa Ijazah Lanjutan dan bukan Mahasiswa Ijazah Pertama kerana mahasiswa tersebut dianggap tidak mempunyai kelayakan atau kepakaran khusus dan di takrifkan hanya untuk menjalankan kerja / tugas-tugas pentadbiran sahaja. Ketua projek yang masih bercadang membayar upah kepada mahasiswa ijazah pertama mestilah mahasiswa tersebut mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu ,dan menyediakan justifikasi kukuh daripada ketua projek untuk pertimbangan dan kelulusan RMC.

Sementara itu, Mahasiswa Ijazah Lanjutan yang layak dibayar upah adalah mahasiswa yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa penyelidikan yang dilantik sebagai Research Student Grant (RSG), dan Mahasiswa Ijazah Lanjutan yang mengikuti pengajian sepenuh masa secara mix mode serta Taught course yang tiada lantikan tetapi telah melakukan kerja-kerja di bawah projek penyelidikan tersebut kurang dari 3 bulan sepanjang tempoh projek tersebut aktif.

### **iii. Individu Luar**

Individu luar yang layak dibayar upah oleh ketua projek mestilah mempunyai kriteria berikut:

- a. Mempunyai kelulusan Ijazah atau Diploma dan keatas.
- b. Mempunyai kelulusan Sarjana atau sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang khusus dan yang berkaitan.
- c. Mempunyai kelulusan Ijazah kedoktoran (Ph.D) atau tujuh (7) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang khusus dan yang berkaitan.
- d. Individu yang dilantik / dibayar upah tidak mempunyai kaitan kekeluargaan dengan penyelidik atau kumpulan individu yang dilantik / dibayar upah tidak mempunyai kaitan kekeluargaan diantara satu sama lain.

### 3. Kepakaran Kerja

#### i. Staf UTM

Staf UTM yang boleh dibayar upah oleh ketua projek mestilah mempunyai kepakaran kerja tertentu, iaitu :

- a. proof-reading
- b. market-survey
- c. pembangunan sistem
- d. pelan perniagaan
- e. perakaunan & pengauditan
- f. penterjemahan
- g. pengaturcaraan
- h. kejuruteraan reka bentuk

#### ii. Mahasiswa Ijazah Lanjutan

Mahasiswa Ijazah Lanjutan atau Siswazah yang boleh atau layak dibayar upah oleh Ketua projek mestilah memiliki atau mempunyai kepakaran kerja tertentu, iaitu :

- a. proof-reading
- b. market – survey
- c. pelan perniagaan
- d. perakaunan & pengauditan
- e. penterjemahan
- f. pengaturcaraan
- g. kejuruteraan reka bentuk
- h. pembangunan sistem

### **iii. Individu Luar**

Individu luar yang boleh atau layak dibayar upah oleh ketua projek mestilah memiliki atau mempunyai kepakaran kerja tertentu, seperti berikut :

- a. proof-reading
- b. market-survey
- c. pembangunan sistem
- d. pelan perniagaan
- e. perakaunan & pengauditan
- f. penterjemahan
- g. pengaturcaraan
- h. kejuruteraan reka bentuk

## 4. Kadar Bayaran

Kadar bayaran upah yang ditetapkan untuk penerima upah yang berkelayakan samada staf UTM, mahasiswa ijazah lanjutan dan individu luar adalah seperti berikut :

### i. Staf UTM

Staf UTM yang layak dibayar upah oleh ketua projek adalah mengikut kadar bayaran sebanyak RM 50 sejam.

### ii. Mahasiswa Ijazah Lanjutan

Mahasiswa Ijazah lanjutan yang layak dibayar upah oleh ketua projek adalah mengikut kadar bayaran, seperti berikut :

- a. Mahasiswa Full Research dengan Jawatan RSG Kadar bayaran upah adalah sebanyak RM 40 sejam
- b. Mahasiswa Full Research, mix mode dan Taught Course yang tiada lantikan
- c. Kadar bayaran maksimum upah adalah sebanyak RM 2,500 sebulan atau RM 100 sehari. Ketua Projek berhak menentukan kadar yang bersesuaian bergantung pada jenis kerja yang dilaksanakan tetapi ianya masih tertakluk kepada kadar yang ditetapkan.

### iii. Individu Luar

Individu luar yang layak dibayar upah oleh ketua projek adalah mengikut kadar bayaran upah, seperti berikut :

a. *Berkelulusan Diploma dan ke atas.*

Kadar pembayaran ialah RM 30 sejam atau jumlah maksimum RM 1,500 sebulan.

b. *Berkelulusan Ijazah*

Kadar pembayaran ialah RM 60 sejam atau jumlah maksimum RM 3,000 sebulan.

c. *Berkelulusan Sarjana (MSc) atau 5 tahun pengalaman kerja dalam bidang yang khusus*

Kadar pembayaran ialah RM 80 sejam atau jumlah maksimum RM 4,000 sebulan.

d. *Berkelulusan Ijazah Kedoktoran (Ph.D) atau 7 tahun pengalaman kerja dalam bidang yang khusus*

Kadar pembayaran ialah RM 100 sejam atau jumlah maksimum RM 5,000 sebulan.

## 5. Tempoh

Tempoh masa yang ditetapkan untuk membayar upah bagi membantu kerja penyelidikan adalah mengikut kategori penerima upah, iaitu :

### i. Staf UTM

Tempoh masa bekerja staf UTM untuk menuntut upah adalah dihadkan sebanyak 4 jam sehari atau 40 jam sebulan.

### ii. Mahasiswa Ijazah Lanjutan

Tempoh masa maksima bekerja Mahasiswa Ijazah Lanjutan untuk menuntut upah adalah seperti di bawah :

#### a. *Mahasiswa Full Research dan Memegang Jawatan RSG*

Tempoh maksima yang dihadkan adalah sebanyak 4 jam sehari atau 40 jam sebulan.

#### b. *Mahasiswa Full Research, Mix mode dan Taught Course yang tiada lantikan*

Tempoh maksimum yang dihadkan ialah kurang dari 2 bulan sepanjang tempoh projek tersebut aktif.

## **6. Pelantikan**

Surat pelantikan bagi setiap kategori penerima upah akan dikeluarkan oleh ketua projek.

## **7. Kaedah Pembayaran**

Ketua Projek dikehendaki mengemukakan permohonan tuntutan pembayaran upah bagi semua kategori penerima upah selewat-lewatnya pada 7hb setiap bulan kepada Bahagian Kewangan di RMC.

## ii. Mahasiswa Ijazah Lanjutan (Siswazah)

Mahasiswa Ijazah Lanjutan yang layak dibayar upah oleh ketua projek mestilah memiliki atau memenuhi syarat-syarat utama dalam pembayaran upah, iaitu :

- a. Tidak melakukan sebarang kerja pengkeranian, pentadbiran dan penyediaan pelaporan, serta pengumpulan data tidak boleh dibayar upah kerana ianya dikategorikan sebagai bukan bersifat kepakaran.
- b. Perlu menyertakan bukti kepakaran
- c. Bukan mahasiswa yang menerima biasiswa
- d. Ketua Projek adalah orang yang sama (sekiranya bekerja dengan projek yang lain perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Projek tersebut).
- f. Pelantikan hanya dibenar untuk tempoh 2 bulan sahaja.

# SYARAT KHUSUS/UTAMA

---

Beberapa syarat khusus/utama yang wajib dipatuhi oleh ketua projek dalam pembayaran upah kepada penerima upah, ialah:

## i. Staf UTM

Staf UTM yang layak dibayar upah oleh ketua projek mestilah memiliki atau memenuhi syarat utama pemberian upah, iaitu:

- a. Tidak melakukan sebarang kerja pengkeranian, pentadbiran dan penyediaan pelaporan, serta pengumpulan data tidak boleh dibayar upah kerana ianya dikategorikan sebagai bukan bersifat kepakaran.
- b. Perlu menyertakan bukti kepakaran.
- c. Pemohon bukan Ketua Projek bagi kerja yang dijalankan.
- d. Perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan
- e. Kerja-kerja yang dilakukan mestilah diluar pada waktu pejabat
- f. Perlu disertakan dengan buku log
- g. Pelantikan hanya dibenar untuk tempoh 2 bulan sahaja..

### **iii. Individu Luar**

Individu luar yang layak dibayar upah oleh ketua projek mestilah mempunyai atau memenuhi syarat-syarat utama, iaitu :

- a. Tidak melakukan sebarang kerja pengkeranian, pentadbiran dan penyediaan pelaporan, serta pengumpulan data tidak boleh dibayar upah kerana ianya dikategorikan sebagai bukan bersifat kepakaran.
- b. Perlu menyertakan bukti kepakaran
- c. Pelantikan hanya dibenar untuk tempoh 2 bulan sahaja.

### **iv. Pengauditan Hasil Kerja bagi Penerima Upah**

Pihak Universiti, iaitu RMC adalah berhak mengaudit hasil kerja yang telah dilaksanakan oleh penerima upah dengan meminta Ketua Projek mengemukakan hasil kerja tersebut. Ketua Projek yang gagal mengemukakan hasil kerja penerima upah adalah bertanggungjawab memulangkan atau mengembalikan semula wang pembayaran upah tersebut ke dalam vot projek penyelidikan berkenaan.

## 9. Syarat-syarat Lain

Mahasiswa Ijazah Lanjutan yang mengikuti pengajian secara mix mode dan taught course serta dilantik di bawah Skim Pelajar Bekerja (SPB) adalah **tidak layak dibayar** upah daripada skim pembayaran upah tersebut.

*SEKIAN, TERIMA  
RASIH*